

LANGKAH-LANGKAH KAWALAN PENYAKIT ASF

UNTUK PENTERNAK

Tingkatkan biosekuriti ladang-*vehicle dip*, *foot dip*, pagar perimeter; Kawal pelawat masuk ke ladang dan kawal keluar/masuk ternakan, kenderaan dan individu;

Jangan berikan sisa makanan/sisa dapur (*swill feeding*) kepada ternakan babi; Jangan bawa masuk haiwan baru yang tidak diketahui status kesihatan;

Jangan bawa masuk produk babi dari negara yang dijangkiti ASF dan laporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bahagian berdekatan sekiranya disyaki ada berlaku penyakit.

UNTUK PENYEMBELIH & PEMBURU BABI HUTAN

Elakkan melawat ladang babi (hanya sekiranya amat perlu); Bersihkan diri dan nyahkuman peralatan selepas menyembelih atau memburu;

Sembelih babi domestik/babi hutan di rumah sembelih/tempat sembelih yang dibenarkan dan jangan berikan daging hasil sembelih/memburu kepada ternakan babi.

UNTUK ORANG AWAM

Jangan bawa masuk produk/daging babi dari luar negara terutamanya dari negara tidak bebas ASF. Jangan berikan sisa makanan/sisa dapur (*swill feeding*) kepada ternakan babi.



UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kuching
082-628255

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Samarahan
082-671221

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Serian
019-2045829

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sri Aman
083-322106

Pejabat Perkhidmatan Betong
083-471622

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sarikei
084-658129

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sibul
084-330224

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kapit
084-798280

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Mukah
084-871050

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bintulu
086-335770

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Miri
085-411866

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Limbang
085-212177

Pejabat Perkhidmatan Lawas
085-285085



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK
IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR,
LOT 877, JALAN SEMENGGOK, OFF BATU 12
JALAN KUCHING-SERIAN, 93250 KUCHING, SARAWAK

Tel: 082-628248 / 249 / 250 / 255 | Faks: 082-628227
OPS Room Hotline: 016-2557267 | Email: dvs@sarawak.gov.my
Website: dvs.sarawak.gov.my | FB: www.facebook.com/DVSSarawak

DEMAM BABI AFRIKA

AFRICAN SWINE FEVER

(ASF)



JABATAN
PERKHIDMATAN
VETERINAR SARAWAK



KENALI ASF & CARA-CARA JANGKITAN PENYAKIT ASF

APAKAH ITU

AFRICAN SWINE FEVER (ASF)?

Penyakit dalam babi yang amat mudah berjangkit yang boleh menyebabkan pendarahan dalaman dan gejala lain seperti demam panas, muntah, cirit-birit, hilang selera dan kematian sangat tinggi dalam kawanan/kumpulan babi.

APAKAH PENYEBAB PENYAKIT INI?

- Disebabkan oleh virus *African Swine Fever Virus* (ASFV);
- Virus ini amat tahan kepada suhu sejuk, bertahan lama dalam darah, najis dan daging/organ babi untuk masa yang lama (sehingga bertahun);
- Ia hanya boleh dimatikan pada suhu 56°C (selama 70 minit) atau 60°C (selama 20 minit), atau dengan disinfektan yang efektif.

ADAKAH ASF BOLEH MEREBAK KEPADA MANUSIA?

Penyakit ini tidak boleh merebak kepada manusia tetapi ia amat merbahaya kepada spesies babi iaitu: Babi domestic (babi ladang, kampung atau berkeliaran) dan Babi hutan (*Sus scrofa*) dan Babi jakut (*Sus barbatus*).

TANDA-TANDA & DIAGNOSIS PENYAKIT ASF

TANDA-TANDA KLINIKAL

- Kematian tinggi (70-100%);
- Demam panas (40.5-42°C);
- Kesukaran bernafas;
- Kemerahan/lebam pada kulit-hujung telinga, kaki, ekor, dada dan perut;
- Muntah, cirit-birit, hilang selera makan;
- Murung;
- Radang mata, hidung berair;
- Keguguran;
- Luka (*ulser*) kulit;
- Bengkak sendi;

CARA JANGKITAN

- Darah, daging, tisu/organ, lelehan hidung atau mulut, air liur, air kencing dan apa-apa sahaja yang dikeluarkan dari haiwan atau bangkai/karkas;
- Babi yang sembuh boleh menjadi pembawa virus;
- Sentuhan (*direct contact*) antara haiwan terjangkit dengan haiwan berisiko;
- Peralatan & bangunan tercemar (e.g kenderaan, pakaian dan kasut manusia, sangkar);
- Gigitan kutu babi (*Ornithodoros sp.*);
- Makanan tercemar;
- Pemberian sisa makanan/sisa dapur (*swill feeding*);
- Produk-produk daripada babi terjangkit (termasuk makanan dalam tin).

ORDINAN KESIHATAN AWAM VETERINAR 1999



Dibawah Seksyen 30 VPHO (1999), Kegagalan penternak melaporkan sebarang kes jangkitan penyakit ASF kepada *State Veterinary Authority* boleh disabitkan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM500.

Penternak yang tidak mengurung atau mengasingkan haiwan yang disyaki terkena jangkitan ASF boleh didenda tidak melebihi RM1000.

Sekiranya penternak tidak memberikan kerjasama kepada *State Veterinary Authority* dalam menyiasat dan mengambil sampel haiwan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500.